

Headline	Rindu kasih ibu bapa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	12	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	Faizul Azlan Razak	AdValue	RM 12,323
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,969



Rindu kasih ibu, bapa

Luahan hati anak yatim tidak pernah tatap wajah orang tua

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

“Jika ibu bapa masih hidup, saya teringin sangat mahu berjumpa kerana sejak lahir hingga sekarang, tidak pernah menatap wajah mereka dan tidak tahu sama ada kedua-duanya masih hidup atau tidak.”

“Namun, naluri saya kuat mengatakan ibu dan bapa masih hidup dan saya mahu berjumpa mereka,” kata Hayati Abdullah, 17, seorang daripada 26 anak yatim yang tinggal di Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Seberang

Takir, di sini.

Menceritakan kisah hidupnya, Hayati berkata, dia ditemui orang ramai di tepi jalan di Johor Bahru, Johor selepas dilahirkan dipercayai ditinggalkan ibu bapa kandungnya sebelum ditempatkan di Rumah Anak-Anak Yatim Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang.

“Ketika berusia lapan tahun, saya ditempatkan di Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi sehingga sekarang.

“Sepanjang 17 tahun lalu,

saya mengharungi kehidupan tanpa kasih sayang ibu bapa kandung seperti orang lain. Jika benar mereka berdua sudah meninggal dunia, saya reda dengan ketentuan Tuhan.

“Namun, sekiranya mereka masih hidup saya teringin sangat bertemu dengan ibu bapa kandung,” katanya yang ditemui pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim di Tabung Haji Hotel & Convention Centre (TH Hotel) di Gong Badak, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai

26 anak yatim Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi dan 46 penduduk yang tinggal di sekitar hotel itu diraikan oleh Pengurus Besar TH Hotel Engku Norris Engku Hussin.

Sementara itu, penjaga Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi Jaharah Yusof berkata, pihaknya juga merasai apa yang dilalui Hayati dan tidak mampu berbuat apa-apa apabila remaja itu bertanyakan ibu dan bapanya.

“Saya berasakan Hayati cemburu melihat rakan sebaya lain mendapat belaian kasih sayang daripada ibu atau bapa, namun tidak bagi dirinya,” katanya.

FAKTA
TH Hotel rai 26
anak yatim

Headline	Rindu kasih ibu bapa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	12	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	Faizul Azlan Razak	AdValue	RM 12,323
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,969

